

## UEM Edgenta Catat Pertumbuhan Pendapatan Sebanyak 26% Pada Suku Keempat TK2020

- Pertumbuhan pendapatan sebanyak 26% kepada RM607.3 juta berbanding suku sebelumnya dengan keuntungan bersih dicatatkan sebanyak RM49.5 juta pada suku keempat TK2020;
- Bahagian *Healthcare Support* Syarikat menerajui usaha peningkatan prestasi kewangan pada suku keempat TK2020 dengan mencatatkan pendapatan sebanyak RM350.3 juta dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM55.9 juta;
- Syarikat mencatatkan pendapatan sebanyak RM2.0 bilion dan keuntungan bersih dinormalisasi sebanyak RM64.9 juta pada TK2020, meskipun berdepan dengan persekitaran operasi yang mencabar berikutan wabak COVID-19 dan perintah kawalan pergerakan.

**KUALA LUMPUR, 25 Februari** - UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”), syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini mengumumkan keputusan kewangan yang belum diaudit bagi suku keempat (“Q4”) dan tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 2020 (“TK2020”), hari ini.

Syahrudin Samsudin, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif UEM Edgenta berkata, “Syarikat telah membuktikan daya tahannya sepanjang pandemik COVID-19 dengan penambahan kontrak-kontrak baharu dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan di Malaysia, Singapura dan Taiwan, serta memberi tumpuan kepada aliran tunai dan pengurusan sumber yang cermat. Kami akan terus meneliti dengan lebih mendalam inisiatif strategik untuk meningkatkan prestasi kewangan kami pada tahun ini melalui produk dan penyelesaian teknologi baharu, serta meningkatkan lagi usaha kecekapan operasi, meskipun berdepan dengan cabaran ekonomi yang tidak menentu.”

### Keputusan Kewangan Q4 TK2020

Bagi tempoh Q4 TK2020, UEM Edgenta telah mencatatkan pendapatan sebanyak RM607.3 juta, pertumbuhan 26% berbanding suku sebelumnya yang direkodkan pada RM482.9 juta. Keuntungan kasar bagi tempoh yang sama juga mencatatkan peningkatan suku ke suku sebanyak 105.6% kepada RM107.9 juta berbanding RM52.5 juta pada suku sebelumnya (Q3 TK2020). Keuntungan Sebelum Cukai (“PBT”) dan keuntungan bersih bagi Q4 TK2020 masing-masing dicatatkan sebanyak RM57.1 juta dan RM49.5 juta.

### Prestasi dan Keputusan Kewangan TK2020

Untuk TK2020, UEM Edgenta mencatatkan keuntungan bersih dinormalisasi sebanyak RM64.9 juta dengan pendapatan sebanyak RM2.0 bilion, berbanding keuntungan bersih dan pendapatan pada TK2019, masing-masing sebanyak RM188.0 juta dan RM2.4 bilion dengan mengambil kira

penurunan nilai “one-off” sebanyak RM50.0 juta pada separuh pertama TK2020 yang juga sebahagian daripada usaha penstrukturan semula dan merasionalisasikan perniagaan bukan teras Syarikat berikutan ekonomi global yang mencabar.

Lembaran imbalan UEM Edgenta kekal kukuh pada 31 Disember 2020, dengan nisbah gearan kasar yang lebih rendah sebanyak 0.32 kali ganda, dan kedudukan tunai bersih yang kukuh sebanyak RM206.1 juta.

### **Prestasi Bahagian Perniagaan UEM Edgenta**

Sepanjang TK2020, bahagian **Healthcare Support** UEM Edgenta telah memainkan peranan yang proaktif dalam menyokong usaha pemulihan COVID-19 di rantau ini, di mana Syarikat kini menyediakan perkhidmatan kepada lebih 300 buah hospital di Malaysia, Singapura, Taiwan dan India. Walaupun berdepan dengan persekitaran operasi semasa yang mencabar dengan ketidaktentuan ekonomi makro dan peningkatan kos operasi berikutan penularan wabak COVID-19, bahagian tersebut kekal fokus mengukuhkan margin dengan mencatatkan pertumbuhan dalam pendapatan dan keuntungan pada Q4 TK2020, masing-masing sebanyak RM350.3 juta dan PBT sebanyak RM55.9 juta, berbanding RM319.7 juta dan RM11.8 juta pada Q3 TK2020.

Bagi TK2020, bahagian **Healthcare Support** mencatatkan pertumbuhan pendapatan tahun ke tahun yang positif, melalui kontrak yang dimenangi oleh semua sektor perniagaan berjumlah RM1.0 billion, termasuklah kontrak daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (“KKM”) dan Hospital Umum Sarawak untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan menaik taraf peralatan biomedikal; perkhidmatan pengemasan (*housekeeping*) dan *portering* untuk Hospital Besar Changi dan Sengkang di Singapura; serta perkhidmatan pembersihan, pengemasan dan *portering* untuk Hospital Besar Cheng Hsin dan Hospital Universiti Yang Ming di Taiwan. Dalam tinjauan tahun tersebut, bahagian ini mencatatkan pendapatan sebanyak RM1.23 bilion dan keuntungan bersih sebanyak RM95.4 juta.

Manakala, bahagian **Property & Facility Solutions** (“PFS”) mencatatkan pendapatan sebanyak RM51.2 juta dan kerugian sebelum cukai sebanyak RM0.6 juta bagi Q4 TK2020. Untuk TK2020, PFS mencatatkan pendapatan dan PBT, masing-masing sebanyak RM154.0 juta dan RM13.1 juta. Bahagian ini telah membuktikan prestasinya sepanjang TK2020 melalui penambahan kontrak-kontrak baharu termasuk kontrak pengurusan fasiliti untuk cawangan CIMB di seluruh negara, serta kontrak penyelenggaraan untuk *District Cooling Plant* di Universiti Teknologi Petronas.

Bahagian **Infrastructure Services** UEM Edgenta pula mencatatkan prestasi pendapatan dan PBT yang kukuh pada Q4 TK2020, masing-masing sebanyak RM172.6 juta dan RM13.3 juta. Bagi TK2020, bahagian ini mencatatkan pendapatan sebanyak RM550.3 juta dan PBT sebanyak RM39.6 juta. Bahagian **Asset Consultancy** Syarikat juga mencatatkan pertumbuhan keuntungan pada Q4 TK2020 berbanding Q3 TK2020, dengan PBT sebanyak RM2.8 juta untuk tempoh tersebut. Dalam

tinjauan tahun tersebut, bahagian ini mencatatkan pendapatan dan PBT sebanyak RM91.9 juta dan RM8.0 juta.

### **Jangkaan untuk TK2021**

Walaupun berdepan dengan persekitaran operasi semasa yang mencabar, UEM Edgenta menutup tirai TK2020 dengan *orderbook* yang kukuh untuk semua bahagian perniagaannya, termasuk *work-in-hand* sebanyak RM12.2 bilion pada akhir TK2020. UEM Edgenta akan terus memperkukuhkan momentum pertumbuhannya berdasarkan keputusan Q4 TK2020 dan akan menumpukan usaha untuk melaksanakan projek-projek di bawah sektor kesihatan dan infrastruktur, yang merupakan industri tumpuan Syarikat. Selain itu, Syarikat kini sedang giat menjalankan tinjauan strategik terhadap unit-unit perniagaan dan struktur korporatnya yang juga sebahagian daripada tindakan proaktif Syarikat untuk memacu penjimatan kos dan meningkatkan kecekapan merentasi semua bahagian perniagaannya.

-Siaran Media Tamat-

### **Mengenai UEM Edgenta Berhad**

UEM Edgenta ([www.uemedgenta.com](http://www.uemedgenta.com)) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.